



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



JABATAN BENDAHARI

Aras 3, Blok Utara
Bangunan Canselor
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel : (+6088-320000) samb. 1041/1043
Faks : (+6088-320235) Malaysia Sabah,
E-mel : pabenums@ums.edu.my

No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 5 (34)

Tarikh : 23 September 2019

PEKELILING BENDAHARI

Semua Dekan Fakulti/Pusat

Semua Pengarah Institut/Jabatan

Semua Ketua Bahagian

Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2019

PELAKSANAAN SEPENUHNYA PERSEKITARAN TERIMAAN TANPA TUNAI (CASHLESS ENVIRONMENT) DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Pelaksanaan sepenuhnya Persekitaran Terimaan Tanpa Tunai (*Cashless Environment*) di Universiti Malaysia Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah Bil. 3/2019 (Kali Ke-89) pada 14 Mei 2019 telah bersetuju meluluskan had terimaan wang tunai di kaunter dan kadar caj perkhidmatan berkaitan untuk dilaksanakan di UMS.
- 2.2 Pelaksanaan Kampus Tanpa Tunai ini adalah merupakan salah satu inisiatif yang dijayakan oleh Jabatan Bendahari ke arah meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholder*).
- 2.3 Pelaksanaan ini juga selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mentransformasikan institusi pengajian tinggi awam menjadi kampus pintar serta merupakan salah satu usaha UMS untuk membudayakan dan menyokong Revolusi Industri 4.0 yang memfokus kepada pendigitalan UMS melalui penggunaan teknologi digital dan kaedah berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi dalam segala aspek operasinya.



Certified to ISO9001 : 2015
Cert. No: QMS 01200

BERTEKAD CEMERLANG

www.ums.edu.my

- 2.4 Premis perniagaan dalam kampus juga telah menyahut seruan UMS untuk merealisasikan hasrat UMS sebagai Kampus Tanpa Tunai.
- 2.5 Selaras dengan perkembangan semasa, Jabatan Bendahari UMS semenjak tahun 2009 telah mula melaksanakan sistem transaksi tanpa tunai bagi operasi terimaan secara berperingkat yang menggantikan kaedah pembayaran konvensional kepada sistem bayaran secara elektronik ataupun digital.
- 2.6 Kaedah Terimaan Tanpa Tunai yang dilaksanakan di UMS sejak tahun 2009 bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian kepada pelanggan adalah seperti jadual berikut:

Bil	Kaedah Pembayaran	Tahun Pelaksanaan
1.	Kad debit atau kredit (Mastercard atau Visa)	2009
2.	Bayaran secara atas talian Maybank2u dan CIMB Clicks	2009
3.	<i>Financial Process Exchange</i> (FPX)	2012
4.	Bayaran Melalui <i>Bill Presentment</i> Bank Islam	2015
5.	Portal Bayaran secara atas talian Kad kredit (peluasan kepada pengguna luar negara)	2017
6.	Aplikasi Alipay dan Wechat Pay	2017
7.	Aplikasi Maybank QRpay	2018
8.	Aplikasi Boost	2018
9.	JomPAY	2019

- 2.7 Objektif pelaksanaan persekitaran terimaan tanpa tunai ini diharap dapat memberi impak yang positif seperti berikut:
- 2.7.1 Melaksanakan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan penggunaan *Digital ID* dan Terimaan Tanpa Tunai di UMS.
 - 2.7.2 Menjimatkan masa pelanggan yang tidak perlu berbaris panjang atau bersesak-sesak bagi membayar tunai di kaunter Jabatan Bendahari.
 - 2.7.3 Mengurangkan risiko transaksi wang tunai.
 - 2.7.4 Membudayakan persekitaran tanpa tunai di Universiti.

3.0 PELAKSANAAN SEPENUHNYA PERSEKITARAN TERIMAAN TANPA TUNAI

3.1 Jabatan Bendahari telah melaksanakan persekitaran tanpa tunai bagi semua urusan terimaan UMS berkuatkuasa 1 Ogos 2019 seperti berikut:

3.1.1 Semua bayaran di kaunter UMS hendaklah menggunakan sistem transaksi tanpa tunai yang telah disediakan.

3.1.2 Setiap transaksi pembayaran tunai di kaunter pada amaun RM500.01 dan ke atas akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak RM20.00.

3.1.3 Caj perkhidmatan tidak dikenakan kepada pelanggan sekiranya:

a) Amaun kurang daripada atau bersamaan dengan RM500.00.

b) Transaksi tanpa tunai tidak berjaya atas sebab gangguan teknikal.

3.2 Perlaksanaan persekitaran terimaan tanpa tunai ini adalah terpakai bagi semua kaunter terimaan UMS. Senarai terkini kaunter terimaan di UMS adalah seperti di **Lampiran A**.

4.0 CAJ PERKHIDMATAN

4.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah menetapkan kadar atau caj perkhidmatan yang boleh dikenakan pihak bank atas setiap kaedah terimaan tanpa tunai secara elektronik. Kadar atau caj perkhidmatan yang ditanggung oleh UMS adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Kaedah Terimaan Elektronik	Caj Perkhidmatan Yang Ditetapkan Kementerian Kewangan
1.	Terminal Kad Debit	Tidak melebihi 0.5% atas nilai transaksi
2.	Terminal Kad Kredit	Tidak melebihi 0.9% atas nilai transaksi
3.	<i>Financial Process Exchange</i> (FPX)	Tidak melebihi RM1.00 setiap transaksi
4.	Online Kad Kredit	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
5.	JomPAY	Tidak melebihi RM0.50 setiap transaksi

5.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA PEKELILING


5.1 Peraturan dalam pekeling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam pekeling ini, boleh dikenakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.

5.2 Pekeling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Bertekad Cemerlang”

Yang ikhlas,



ZALLIPAH SHADAN
Bendahari

s.k

- Y. Bhg. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Bahagian Audit Dalam
- Ketua Bahagian, Jabatan Bendahari

LAMPIRAN A

Bil	J/F/P/I/B	Kaunter Penerimaan
1.	Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan	Muzium Perubatan
		Pusat Perubatan dan Pendidikan Desa Sikuati Kudat
2.	Hospital UMS	Poliklinik UMS
		Pusat Rawatan Warga
		Pusat Dialisis UMS-YKN
3.	Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan	Unit Kualiti & Keselamatan Makanan (FSQ)
		<i>Mock Restaurant</i>
		<i>Product Outlet</i> , FSMP
4.	Pusat Islam UMS	Pusat Islam, UMS
5.	Institut Penyelidikan Marin Borneo	Akaurium & Jeti UMS
		Hatcheri UMS (Ikan & Udang)
6.	Fakulti Psikologi Dan Pendidikan	Gimnasium UMS
7.	Bahagian Keselamatan	Kaunter Bayaran Saman & Pelekat Kenderaan
		Kaunter Permohonan & Penggantian Kad
8.	Pusat Pengurusan Strategik Dan Komunikasi Korporat	Muzium UMS
9.	Penerbit UMS	Penerbit UMS
10.	Perpustakaan	Perpustakaan Utama, UMS
		Mini Perpustakaan, FPSK
11.	Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan	Hotel Lab, FPEP
12.	Pusat Luar UMS	Kaunter Kewangan PLUMS
13.	Jabatan Pendaftar	Rumah Tamu Semi-D Kingfisher
14.	Institut Biologi Tropika Dan Pemuliharaan	Muzium Borneensis
15.	Institut Penyelidikan Bioteknologi	Terimaan IPB
16.	Kampus Cawangan UMSKAL	Sektor Kewangan UMSKAL
		Sektor Perpustakaan UMSKAL
		Sektor Sukan & Rekreasi UMSKAL
17.	Fakulti Pertanian Lestari	Ladang Ternakan & Tanaman
		Kaunter Kewangan Bendahari FPL
18.	Jabatan Bendahari	Kaunter Pusat
		Kaunter HEP
		<i>Outstation</i> Kaunter
19.	Pusat Pelaburan Dan Endowmen	Kaunter Sumbangan / Endowmen